

04 APR 2002

Mahathir-Dasar/I

DASAR AFIRMATIF AKAN DITERUSKAN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 4 April (Bernama) -- Malaysia akan meneruskan dasar tindakan afirmatif kerana ia tidak menjejaskan pelaburan di negara ini.

Sebaliknya, Malaysia yang mengamalkan dasar-dasar ini, telah berkembang jauh lebih cepat berbanding negara-negara lain yang mempunyai hanya satu kumpulan etnik, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Jadi, ini bukanlah satu faktor," katanya pada sesi dialog di sini dengan 20 wartawan asing yang membuat liputan sesi khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam mengenai keganasan yang berakhir semalam.

Pada sesi dialog itu, Dr Mahathir telah ditanya sama ada Malaysia akan menimbang untuk melonggarkan beberapa dasar perlindungan ekonomi bagi orang Melayu untuk menarik lebih banyak pelaburan asing dari Taiwan.

Beliau menjelaskan bahawa langkah-langkah afirmatif ini diwujudkan bagi faedah orang yang kurang berupaya untuk bersaing dari segi ekonomi berbanding orang lain.

"Ia amat penting kerana kita mahu mereka maju ke tahap yang sama. Kita tidak mahu satu kaum bergerak maju dengan pantas dan menjadi amat kaya, manakala yang lain terus berada dalam keadaan terlalu miskin.

"Jika keadaan ini berlaku, ia adalah bahan bagi berlakunya ledakan," kata beliau.

Sesetengah negara menghadapi masalah ketegangan dan perkelahian antara kaum yang berbeza disebabkan ketidakseimbangan yang keterlaluan di kalangan mereka.

"Bila perbezaan kaum diperbesarkan lagi melalui perbezaan kedudukan ekonomi, keadaan menjadi lebih tidak stabil. Jadi, kita akan teruskan dasar-dasar kita yang tidak menjejaskan pelaburan di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir juga bercakap panjang lebar mengenai globalisasi, kesan krisis kewangan terhadap ekonomi Malaysia dan bagaimana negara ini mengambil langkah "tidak ortodoks" untuk menyelamatkan dirinya.

Perdana Menteri berkata beliau menolak tafsiran sekarang mengenai globalisasi, yang memberi tumpuan hanya kepada pergerakan modal yang bebas.

"Apa yang kita mahu lihat ialah tafsiran sewajarnya bagi globalisasi, dan globalisasi yang dikawal selia. Tiada sebab kenapa harus wujud anarki dengan globalisasi yang tidak dikawal selia langsung," katanya.

Menjawab satu soalan, Dr Mahathir melahirkan keyakinan bahawa Asean+3 akan lama kelamaan menjadi Perundingan Ekonomi Asia Timur.

Asean+3 merujuk kepada 10 negara Asia Tenggara serta China, Jepun dan Korea Selatan.

"Soal China membentuk persatuan perdagangan bebas dengan Asean adalah sesuatu yang kita perlu bincangkan," katanya.

Ditanya sama ada Malaysia berminat untuk memeterai perjanjian perdagangan bebas dengan Taiwan, Dr Mahathir berkata Kuala Lumpur akan mengkaji apa sahaja yang memberi faedah kepada negara ini dan rakan-rakannya.

Beliau juga berkata Malaysia menerima hakikat bahawa ia perlu bersaing dengan China.

"Ia sebuah negara besar, ekonomi yang sangat kuat dan kita akan mencari kedudukan selesa bagi kita sendiri, dan kita harap kita dapat mengekalkan daya saingan kita," tegasnya.

Menjawab satu soalan tentang kemungkinan diwujudkan sebuah pasaran Islam, Perdana Menteri berkata ia adalah sesuatu yang sukar dicapai jika ia

melibatkan semua negara Islam.

"Tetapi, jika kita berpasangan dengan negara-negara lain melalui persetujuan bagi mewujudkan pasaran bersama, saya rasa itu boleh dilakukan," katanya.

Kata beliau, walaupun "dinar emas" harus digunakan bagi perdagangan antarabangsa, amalan-amalan perbankan Islam patut juga digunakan secara meluas.

Menjawab satu soalan lain, Dr Mahathir berkata besar kemungkinan hubungan ekonomi yang lebih erat dijalinan antara Malaysia dan negara-negara Teluk.

-- BERNAMA

MAM MR KY JR RON